



26 Disember 2019
26 December 2019
P.U. (A) 369

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH DUTI SETEM (PEREMITAN) (NO. 2) 2019

STAMP DUTY (REMISSION) (NO. 2) ORDER 2019

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA SETEM 1949

PERINTAH DUTI SETEM (PEREMITAN) (NO. 2) 2019

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 80(2) Akta Setem 1949 [*Akta 378*], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Duti Setem (Peremitan) (No. 2) 2019**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2020.

Peremitan

2. (1) Lima puluh peratus (50%) daripada duti setem yang boleh dikenakan ke atas mana-mana surat cara pindah milik ke atas harta tak alih yang merupakan pelupusan sukarela *inter vivos* daripada pemberi yang dinyatakan dalam ruang (2) Jadual kepada penerima yang dinyatakan dalam ruang (3) Jadual diremit.

(2) Peremitan duti setem di bawah subperenggan (1) hendaklah hanya terpakai sekiranya—

(a) surat cara pindah milik ke atas harta tak alih disempurnakan pada atau selepas 1 Januari 2020; dan

(b) penerima adalah seorang warganegara Malaysia.

Pembatalan

3. Perintah Duti Setem (Peremitan) (No. 7) 2002 [*P.U. (A) 434/2002*] dibatalkan.

JADUAL

Dalam Jadual ini, “anak” ertinya anak yang sah taraf, anak tiri atau anak yang diambil menjadi anak angkat mengikut mana-mana undang-undang.

<i>(1)</i> <i>Butiran</i>	<i>(2)</i> <i>Pemberi</i>	<i>(3)</i> <i>Penerima</i>
1.	Ibu atau bapa, atau ibu dan bapa	Anak
2.	Anak	Ibu atau bapa, atau ibu dan bapa

Dibuat 20 Disember 2019

[MOF.TAX(S)700-1/3/11; PN(PU2)159/XXXIII]

LIM GUAN ENG
Menteri Kewangan

STAMP ACT 1949

STAMP DUTY (REMISSION) (NO. 2) ORDER 2019

IN exercise of the powers conferred by subsection 80(2) of the Stamp Act 1949 [*Act 378*], the Minister makes the following order:

Citation and commencement

1. (1) This order may be cited as the **Stamp Duty (Remission) (No. 2) Order 2019**.

(2) This Order comes into operation on 1 January 2020.

Remission

2. (1) Fifty per centum (50%) of the stamp duty chargeable on any instrument of transfer of any immovable property operating as a voluntary disposition *inter vivos* from the donor specified in column (2) of the Schedule to the recipient specified in column (3) of the Schedule is remitted.

(2) The remission of stamp duty under subparagraph (1) shall only apply if—

(a) the instrument of transfer of the immovable property is executed on or after 1 January 2020; and

(b) the recipient is a Malaysian citizen.

Revocation

3. Stamp Duty (Remission) (No. 7) Order 2002 [*P.U. (A) 434/2002*] is revoked.

SCHEDULE

In this Schedule, “child” means a legitimate child, a step child or child adopted in accordance with any law.

<i>(1)</i> <i>Item</i>	<i>(2)</i> <i>Donor</i>	<i>(3)</i> <i>Recipient</i>
1.	Mother or father, or mother and father	Child
2.	Child	Mother or father, or mother and father

Made 20 December 2019

[MOF.TAX(S)700-1/3/11; PN(PU2)159/XXXIII]

LIM GUAN ENG
Minister of Finance